PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 1993

PERATURAN MENGENAI KERAIAN RASMI

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan-peraturan baru bagi Keraian Rasmi yang boleh dibelanjakan daripada peruntukan Kerajaan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan.

2. PERATURAN SEKARANG

2.1 Sebagaimana termaklum, Kementerian/Jabatan Persekutuan dibenarkan membuat perbelanjaan bagi keperluan Keraian Rasmi mengikut kadar-kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1981.

3. PERATURAN BARU

3.1 Kerajaan telah mengkaji semula peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1981 tersebut dan bersetuju menetapkan peraturan-peraturan baru bagi Keraian Rasmi seperti berikut:

3.1.1 Syarat-syarat Keraian Rasmi

3.1.1.1 Kementerian/Jabatan boleh mengadakan Keraian Rasmi bagi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

(a) semasa persidangan di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan,Kementerian dan Jabatan;

(b) untuk meraikan pelawat. Erti kata pelawat ialah orang-orang kenamaan atau rombongan rasmi baik daripada luar Malaysia ataupun dalam negeri yang diakui terwajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan;

(c) semasa pelancaran atau pembukaan rasmi sesuatu projek, seminar, kursus dan taklimat oleh Kementerian atau Jabatan; dan

(d) semasa diadakan mesyuarat Kementerian atau Jabatan, seperti:

(i) mesyuarat bulanan di antara Ketua Setiausaha dengan Ketua-ketua Jabatan/Bahagian di bawah Kementerian berkenaan;

(ii) mesyuarat pertama Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan yang baru dilantik dengan Ketua-ketua Jabatan/Bahagian di bawah Kementerian berkenaan; dan

(iii) mesyuarat tahunan/berkala Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan dengan Pengarah-pengarah Negerinya.

3.1.1.2 Keraian bagi aktiviti-aktiviti lain selain dari yang disebutkan di Perenggan 3.1.1.1., di atas hanya boleh dibayar dari peruntukan Kerajaan setelah mendapat kelulusan khas terlebih dahulu daripada Perbendaharaan (Bahagian Pentadbiran).

3.1.1.3 Hidangan minuman keras adalah tidak dibenarkan.

3.1.2 Kadar-kadar Keraian Rasmi

3.1.2.1 Kadar-kadar maksimum bagi perbelanjaan Keraian Rasmi termasuk bayaran minuman adalah ditetapkan seperti berikut:

(a) Jamuan Ringan
Tidak melebihi RM8.00 seorang;

(b) Jamuan Makan Tengahari
Tidak melebihi RM50.00 seorang;

(c) Jamuan Makan Malam
Tidak melebihi RM65.00 seorang;

3.1.2.2 Bayaran Perkhidmatan, Cukai Kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan kerana mengadakan jamuan berkenaan adalah layak dituntut sebagai bayaran tambahan.

4. PERKARA-PERKARA AM

4.1 Untuk menjimatkan perbelanjaan, Pegawai-pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya membuat perancangan yang rapi bagi mengadakan Keraian Rasmi seperti berikut:

4.1.1 kekerapan mengadakan Keraian Rasmi hendaklah dihadkan kepada aktiviti-aktiviti rasmi yang dianggap penting dan perlu sahaja berpandukan kepada syarat-syarat yang dijelaskan di perenggan 3.1.1 di atas;

4.1.2 bilangan tetamu hendaklah dihadkan kepada mereka yang berkaitan secara langsung dengan urusan rasmi Kerajaan yang terwajib Keraian Rasmi itu diadakan;

4.1.3 digalakkan mengatur jamuan Keraian Rasmi di Pejabat secara "catering" dengan hidangan masakan Melayu yang didapati lebih murah, kecuali yang melibatkan tetamu asing; dan

4.1.4 membuat perancangan yang lebih awal untuk mengelakkan kos yang lebih tinggi.

5. PEMAKAIAN

5.1 Pekeliling ini juga dilanjutkan pemakaiannya kepada pengurusan dalam Perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

6. TARIKH KUATKUASA

6.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1993 ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 1993.

7. PEMBATALAN

7.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/1981 adalah dibatalkan.

DATO AZIZAN BIN HUSAIN,
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan II,
Kementerian Kewangan

29/05/93